

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, February 4, 2020 1:21 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Ahli MPUUM Tinjau Koleksi Manuskrip Lama Di Maghribi Dan Sepanyol



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

4 FEBRUARI 2020 / 10 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Prof. Dr. Che Su Mustaffa
Gambar oleh: MPUUM

AHLI MPUUM TINJAU KOLEKSI MANUSKRIP LAMA DI MAGHRIBI DAN SEPANYOL



UUM ONLINE: Maghribi – Tidak lengkap lawatan ahli Majlis Profesor UUM (MPUUM) ke Maghribi jika tidak singgah ke Pusat Dokumentasi dan Program Budaya, Komplek Pentadbiran dan Peradaban Untuk Waqf.

Dekan Pusat Pengajian Bahasa, Budaya dan Falsafah, Prof. Dr. Shukri Ahmad berkata, bidang penelitian berkaitan dengan penghasilan manuskrip dan kandungan manuskrip merupakan bidang yang mempunyai potensi luas untuk diterokai dan diteliti oleh penyelidik UUM dalam konteks tempatan mahupun secara perbandingan dengan luar negara.

"Kita juga mempunyai koleksi manuskrip yang disimpan di arkib dan perpustakaan yang boleh diteliti dari pelbagai aspek," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Dokumentasi dan Aktiviti Budaya, Kementerian Pembangunan Wakaf Maghribi, Dr. Hakima Chami berkata, ketinggian tahap ketamadunan sesuatu bangsa turut dipaparkan melalui tinggalan manuskrip-manuskrip yang dihasilkan dan koleksi tersebut merupakan bahan yang kaya dengan maklumat serta menjadi sumber kepada penyelidikan bagi memahami sejarah dan tamadun sesuatu bangsa.

Justeru, menurutnya, menyedari hakikat itu, Kementerian Pembangunan Wakaf Maghribi berusaha mengumpul manuskrip-manuskrip lama untuk disimpan dan diteliti.

Sebelum itu, ahli MPUUM juga telah dibawa melawat koleksi manuskrip simpanan Mawlay Zidan Abu Maali, Sultan Maghribi pada Dinasti Saadi yang tersimpan di Perpustakaan Escorial, Madrid, Sepanyol yang merupakan salah satu bukti kejayaan keilmuan peradaban Islam.

Penerangan berkaitan dengan susur-galur bagaimana manuskrip berkenaan di bawa dari Maghribi ke Sepanyol disampaikan oleh pemandu pelancong, Dr. Ahmad Arif.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.